

Ibadah haji era Covid-19 bermula

Kira-kira 1,000 jemaah tiba di Mina untuk menunaikan Rukun Islam kelima

JEDDAH

Kira-kira 1,000 jemaah mula berkumpul di Mina di luar Makkah semalam bagi memulakan musim haji pada tahun ini.

Pada Hari Tarwiyah menandakan permulaan haji yang jatuh pada hari kelapan dalam bulan Zulhijjah, jemaah akan menghabiskan banyak masa dengan memperbanyakkan ibadah sebelum menuju ke Arafah hari ini.

Mina yang terletak tujuh kilometer di timur laut Masjidil Haram di Makkah lazimnya akan menjadi 'bandar khemah' terbesar di dunia yang boleh menampung sekitar 2.5 juta jemaah.

Musim haji pada tahun ini bagaimanapun berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya di mana penyertaan jemaah terpaksa dihadkan bagi mengekang penyebaran pandemik korona-



FOTO: AFP

Khemah jemaah haji memenuhi kawasan Mina di Makkah. Gambar kecil: Sheikh Abdullah Suleiman Al-Manea.

virus (Covid-19) dan peluang itu hanya terbuka kepada penduduk tempatan serta ekspatriat yang tinggal di Arab Saudi.

Sebagai langkah pencegahan, mereka yang terpilih untuk menunaikan haji tahun ini perlu menjalani pemeriksaan suhu dan dikuarantin sebaik tiba di Makkah dan semua beg jemaah

akan disanitasi oleh petugas kesihatan.

Selain itu, sebagai persediaan bagi menerima tetamu ALLAH, kakitangan kesihatan dan keselamatan juga giat membersihkan dan menyembur cecair nyahkuman di kawasan sekitar Kaabah di Masjidil Haram.

Pada tahun ini, pihak

berkuasa haji memutuskan untuk mengepung Kaabah dan jemaah tidak dibenarkan menyentuhnya bagi mengehadkan kemungkinan jangkitan virus.

Pusat kesihatan, klinik bergerak dan ambulans turut disediakan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan jemaah selain mewajibkan pemakaian

pelitup muka serta mengamalkan penjarakkan sosial.

Jemaah turut diberi kit khas yang terdiri daripada anak batu disteril untuk ibadah melontar jamrah, pembasmi kuman, pelitup muka, sejadah serta ihram.

Hari ini, jemaah akan menuju ke Arafah sebelum ke Muzdalifah dan seterusnya kembali ke Mina sebelum membuat tawaf haji di Masjidil Haram.

Sementara itu, anggota Majlis Ulama dan Penasihat Kanan di Mahkamah Diraja Arab Saudi, Sheikh Abdullah Suleiman Al-Manea akan menyampaikan khutbah Arafah semasa musim haji pada tahun ini.

Berita itu diumumkan Presiden Umum Hal Ehwal Dua Masjid Suci, Sheikh Abdul Rahman Al-Sudais dalam satu kenyataan yang dilaporkan *Saudi Press Agency* kelmarin.

Pengumuman juga dibuat selepas mendapat persetujuan daripada Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Salman.

Ketika taklimat media untuk musim haji 2020 minggu lalu, Al-Sudais memberitahu khutbah Arafah akan diterjemahkan ke dalam 10 bahasa dalam usaha untuk menyampaikan mesej kepada lebih ramai umat Islam. - *Agensi*